



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 51 PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 4,
62100 W.P. PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 5555
Fax : 03-8891 5557
Kawat : "MINRUMAH"
http :/www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook: Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(24)
Tarikh : 17 November 2012

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR STRATEGI LAUTAN BIRU NEGARA KE-7 :KEJIRANAN INDAH (*NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY 7 (NBOS 7): MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD*)

Kuala Selangor, 17 November 2012 – Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara, Dato' Sri Dr. Ali Hamsa menyempurnakan majlis penyerahan kunci rumah projek pembinaan semula rumah terbakar pada pagi ini. Ini adalah satu program di NBOS 7 yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) serta jabatan lain di bawahnya. Projek pembinaan semula rumah terbakar di Kampung Bukit Cherakah ini telah dibina semula anggota BOMBA Selangor manakala bahan pembinaan adalah sumbangan dari pihak swasta dan orang awam. Program NBOS 7 : *MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD* atau Kejiranan Indah pada pagi ini ini telah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan(KPKT) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) setelah ia dilancarkan YAB Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada November 2009.

Ini adalah satu lagi inisiatif kerajaan bagi meneraju negara ini ke arah sebuah negara maju, berpendapatan tinggi dan sejahtera dalam semua aspek. Selain daripada Kuala Selangor ini, projek NBOS 7 telah dilaksanakan di rumah pangsa Simpang Kuala, Seberang Terus, Taman Setia Jaya: Alor Setar dan Rumah Pangsa Lobak, Seremban. Ianya akan

diperluaskan ke Ipoh, Perak dan Larkin, Johor Bahru dan kawasan lain. Secara keseluruhannya, di bawah Program NBOS 7 ini kawasan perumahan yang terpilih akan dinaik taraf meliputi 4 aspek utama seperti berikut:

- i. Program menambah baik atau membaik pulih kawasan perumahan yang dimiliki oleh penduduk berpendapatan rendah;
- ii. Program pembinaan semula buah rumah terbakar;
- iii. Program peningkatan rondaan keselamatan (*security patrolling*) di stesen LRT dan pusat membeli belah bagi menangani jenayah; dan
- iv. Program kebersihan, pengindahan dan penyelenggaraan kemudahan awam.

Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha KPKT, pegawai kanan KPKT, BOMBA, SUK Kerajaan Negeri Selangor dan penduduk kampung.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my